

21/10/2003

Globalisasi: Malaysia mahu perdagangan adil, saksama

Hishamuddin Aun; Khaidir Majid; Zainab Yatim

SAYA amat berbesar hati kerana diberi kesempatan untuk berucap mengenai satu subjek yang paling dekat di hati saya, iaitu globalisasi. Tiada cara untuk kita menolaknya, tidak mengambil peduli atau menghapuskannya sama sekali.

Sebagaimana diketahui, globalisasi mula-mula diilhamkan oleh negara maju.

(Sebaliknya), negara membangun terlalu sibuk dengan ekonomi masing-masing dan dibebani masalah dalaman mereka sendiri untuk berfikir secara global atau memikirkan globalisasi.

Lantaran itu, apabila kita kemudiannya hadir untuk memperkatakan mengenai globalisasi, agendanya sudah disiapkan oleh negara maju. Dan oleh kerana negara maju yang melakar agendanya, adalah lumrah untuk mereka memikirkan perkara-perkara yang memberikan mereka sendiri keuntungan maksimum.

Perkara pertama yang mereka fikirkan ialah kita semua harus memiliki perdagangan bebas, akses (lalu) kepada setiap pelosok dunia dan kita harus mengurangkan sebarang bentuk sekatan dan halangan.

Begitu juga kita harus membiarkan mereka yang paling efisien melakukan perkara-perkara yang tidak hanya menguntungkan mereka sambil berharap ia turut bermanfaat kepada orang lain, termasuk negara membangun.

Apabila Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ditubuhkan, agenda yang dilontarkan untuk perbincangan kita ialah perdagangan bebas, akses, dunia tanpa sempadan, penghapusan sekatan, ketelusan dan banyak lagi yang boleh menghalang perniagaan negara maju sejak bertahun-tahun lalu.

Pada masa lalu, keadaannya adalah lebih mudah untuk menangani sekatan sedemikian. Apa yang harus dilakukan ialah menakluki negara yang dihajati, menjadikannya jajahan dan kemudian membolot perdagangan untuk diri sendiri.

Dalam soal ini, saya bercakap berdasarkan pengalaman.

Perdagangan di Malaysia pada satu masa dikuasai oleh Portugis, diikuti oleh Belanda dan terakhir oleh British. Malah, kami pernah ditakluki Jepun yang mendapati kami memiliki terlalu banyak getah untuk kegunaan sendiri dan membekalkannya untuk kegunaan negara lain di dunia.

Malaysia juga pernah diletakkan di bawah taklukan Thailand. Jepun amat bermurah hati dengan negara kami. Oleh kerana kami suatu ketika di bawah pendudukan Jepun, mereka menyerahkan sebahagian Malaysia kepada Thailand. Maka, perdagangan tertumpu kepada sebuah negara yang mendominasi sebuah negara lain.

Jika anda enggan berdagang, kami akan menghantar kapal perang untuk mendapatkan rakan dagang yang baru. Tetapi hari ini mereka tidak lagi boleh melakukan yang sama dan saya percaya anda semua bersetuju dengan pandangan saya. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menghantar kapal perang untuk memastikan dapat berdagang dengan sesebuah negara.

Kini kita semua memiliki WTO dan kita mengemukakan agenda kepada pertubuhan itu - suatu agenda yang tentunya memihak kepada mereka yang mencadangkannya, iaitu negara maju.

Sekian lama kita berbincang dan tawar-menawar serta membahaskan agenda ini tetapi kita mendapati negara membangun tidak meraih keuntungan daripadanya. Kita dalam kerugian semata-mata kerana kita tidak memiliki kelebihan sebagaimana dicadangkan oleh agenda berkenaan.

Kita seharusnya lebih kompetitif, malah kita harus mengangkat darjat

kita ke tahap gergasi. Kita sepatutnya memiliki semua teknologi, hak, harta intelek dan lain-lain. Malangnya kita tidak memiliki semua itu.

Gara-garanya, kita menerima apa saja yang ada. Dan selepas beberapa ketika, kita mula membantah dan menolak. Buat pertama kalinya di Cancun, negara membangun membantah.

Namun, dalam kita menolak agenda berkenaan, ia tidak akan mendatangkan apa-apa manfaat jika kita tidak mengemukakan agenda baru kita sendiri.

Seharusnya kita sedar bahawa globalisasi akan tetap berlaku tetapi apakah pula bentuknya, apakah agendanya dan apakah interpretasi globalisasi yang kita harapkan? Kita perlu memiliki perdagangan adil kerana ia bermakna kelemahan kita sendiri akan turut dipertimbangkan.

Kita bukanlah dalam keadaan yang membolehkan kita bersaing tanpa sebarang kelebihan diberikan kepada kita. Umpamanya, jika sebuah pasukan Malaysia disuruh bermain American football menentang sebuah pasukan dari Amerika Syarikat, perkara pertama yang terlintas dalam fikiran ialah rakyat Malaysia tidak pernah bermain permainan itu. Lantaran itu, mereka tidak pun tahu peraturan permainan itu.

Keduanya, tubuh mereka adalah kecil, sama seperti saya. Seperti yang anda maklum, setiap seorang pemain American football mempunyai berat badan 240 paun. Jika satu perlawanan menemukan pasukan Malaysia dengan satu pasukan lain dalam American football, saya amat ragu-ragu pasukan Malaysia boleh memenangnya.

Jadi, apa harus kita lakukan? Jawapannya ialah handikap perlu diberikan. Mereka yang bermain golf amat arif dengan handikap. Anda perlu mempunyai handikap kerana tanpanya, perlawanan tidak akan berlangsung dengan seimbang dan adil.

Keadaannya sama dengan perdagangan yang menuntut handikap diberikan. Sesetengah negara memang agak bersedia untuk membuka pasaran, menghapuskan sekatan dan peraturan, kerana mereka amat yakin untuk berjaya dalam persekitaran demikian.

Tetapi dalam persekitaran seperti itu, negara membangun tidak mungkin boleh berjaya. Apa yang berlaku sekarang ialah syarikat besar dari negara maju memilih untuk bergabung atau mengambil alih satu sama lain untuk menjadi lebih besar.

Dalam pada itu, mereka mencadangkan agar kita tidak menyekat mereka daripada datang dan menjalankan operasi di negara kita tanpa sebarang syarat. Lebih daripada itu, ada yang mahu dianggap sebagai syarikat nasional.

Apabila syarikat seperti ini datang ke negara kita, mereka akan bersaing dengan syarikat dan bank kita yang lebih kecil. Tentunya syarikat dan bank kita yang lebih kecil tidak mampu untuk mengalami kerugian kerana mereka hanya beroperasi di dalam negara. Jika syarikat-syarikat ini gagal di negara sendiri, mereka akan terpaksa gulung tikar.

Sebaliknya, bagi syarikat besar, bank raksasa, dan badan korporat gergasi ini yang bergabung untuk menjadi lebih besar, mereka masih mampu untuk rugi di Malaysia kerana mereka mencatat keuntungan di negara lain.

Kerana itu, kami berasa agak gentar dengan apa yang dikatakan sebagai persaingan bebas. Kami berasakan bahawa kami harus dibenarkan untuk melindungi perniagaan kecil kami, bank dan industri kami. Sekurang-kurangnya sehingga masanya tiba untuk kami menjadi cukup besar dan berupaya bersaing secara adil dengan syarikat gergasi dari negara lain.

Penekanan hendaklah diberikan kepada perdagangan adil berbanding perdagangan bebas. Perdagangan adil masih boleh menjadi bebas tetapi perdagangan bebas boleh menjadi tidak adil. Saya tidak akan melawan seorang peninju tomoi dari Thailand kerana saya amat sedar akibatnya kepada saya.

Jadi, itulah yang kami harapkan dan ia tidak pun sebesar mana. Kami

bersedia untuk dieksploitasi tetapi biarlah kami dieksploitasi secara adil.

Biarlah mereka mengatakan kami tidak efisien dan mereka boleh menawarkan untuk membuat motokar untuk kami pada harga lebih murah dan mereka akan membayar rakyat kami kadar upah lebih tinggi.

Tetapi masih ada sesuatu yang dipanggil kebanggaan nasional - sesuatu yang menjadi penghalang sepanjang masa. Adakalanya anda sanggup berperang hanya untuk mempertahankan kebanggaan nasional.

Begitu juga kami ingin memiliki sesuatu yang kami hasilkan sendiri. Seboleh-bolehnya kami ingin memiliki sebuah industri automotif yang kecil sambil berupaya untuk menyatakan: Lihatlah, kereta ini kami bina dan ia juga boleh bergerak laju!

Kami mahu sesuatu untuk dibanggakan dan bukan terbatas kepada tenaga buruh murah untuk orang lain. Kami ingin memiliki, berupaya melakukan sesuatu dengan cara kami sendiri dan mencipta produk kami sendiri dan memasarkannya.

Barangkali kami tidak akan menjadi gergasi tetapi sekurang-kurangnya kami boleh menyatakan ketika berada di luar negara: Lihatlah, batang mancis ini dibuat di Malaysia! Adalah satu kebanggaan untuk menyatakan demikian biar sekecil mana pun barang yang dihasilkan.

Apabila anda melihat seorang yang lain mempunyai seorang anak gadis cantik, anda tidak boleh berasa bangga kerana ia adalah milik orang lain. Tetapi jika anda mempunyai seorang anak gadis yang cantik, anda boleh berbangga dengan isteri anda.

Apa yang boleh saya katakan ialah kami tidak boleh bersetuju dengan agenda di Cancun semata-mata kerana ia bukanlah agenda kami. Kami mahu mencadangkan satu agenda yang berlaku adil kepada yang kaya dan yang miskin, ringkasnya agenda yang saksama.

Agenda yang dimaksudkan harus mengambil kira kekuatan ekonomi setiap negara, termasuk di kalangan negara yang miskin ekonominya. Seseengah negara lebih baik daripada yang lain, sesetengahnya miskin, sebahagiannya lebih kaya manakala sebilangan lagi lebih berupaya daripada yang lain.

Kita hendaklah mengambil kira semua perbezaan ini kerana kita tidak boleh lagi mengulangi kesilapan untuk mencuba menghasilkan sepasang kasut yang serasi untuk semua orang. Kita sudah melihat akibat buruk daripadanya. Jadi, apa yang ingin saya tekankan di sini ialah negara membangun seperti Malaysia ingin melihat perdagangan adil dan saksama dalam proses globalisasi. Itulah juga yang harus menjadi agenda mesyuarat WTO dan bukan sebarang agenda lain yang dipaksakan ke atas kami.

Jika kita gagal membincangkan agenda berkenaan, maka mesyuarat WTO akan dilihat sebagai kegagalan. Sebenarnya, ia bukanlah kegagalan bagi kami, sebaliknya suatu kejayaan kecil. Kita harus mengambil langkah susulan dengan dengan cadangan agenda kami sendiri dan saya berharap negara kaya akan menerimanya. Sebarang agenda seharusnya boleh datang dari negara miskin sebagaimana ia boleh dikemukakan oleh negara kaya.

SOALAN: Perdana Menteri, anda menyatakan Cancun sebagai kejayaan kecil kepada negara membangun. Apakah langkah berikutnya?

DR MAHATHIR: Saya amat jelas mengenai hala tuju berikutnya. Kita harus kekal bersama WTO mengenai globalisasi tetapi kita hendaklah menukar agendanya. Kita harus melakukan interpretasi semula. Kita perlu memberi weightage secukupnya terhadap pemikiran negara mem-bangun. Pusingan Do -ha adalah berkaitan pembangunan tetapi tidak banyak yang dilakukan terhadap pembangunan negara mem- bangun. Dan kita terpaksa ke Cancun dengan pendekatan baru yang saya cadangkan. Pembangunan sama sekali diabaikan. Apa yang harus kita lakukan sekarang ialah duduk berbincang sambil mengakui kita telah mengambil langkah yang silap dari awal kerana kita tidak memberi pertimbangan sepatutnya kepada masalah negara membangun.

Kemudian, kita hendaklah melakar satu agenda baru yang dipersetujui semua pihak dan kita perlu berbincang bagaimana untuk memperbaiki keadaan di negara membangun seiring dengan keadaan di negara maju. Itu sesuatu yang amat jelas.

SOALAN: Mengenai pergerakan modal dan peranan pasaran modal, apakah haluan untuk isu ini ditangani?

DR MAHATHIR: Keperluan untuk peraturan dalam perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa bertujuan supaya pembiayaan perdagangan antarabangsa disyaratkan menerusi cara yang akan memanfaatkan semua.

Tetapi pada masa yang sama, kita menjadi agak keliru. Pada satu pihak, kita mahukan suatu rejim perdagangan berasaskan peraturan dan di pihak yang lain, kita bercakap mengenai deregulasi agar pasaran didisiplinkan sendiri dan mendisiplinkan kerajaan. Ini satu pandangan yang tidak masuk akal kerana pasaran adalah berkisar kepada membuat keuntungan. Pasaran tidak akan mengambil endah apakah bentuk kerajaan yang ada di sesebuah negara selagi ia boleh membuat keuntungan. Malah, jika tiada kerajaan pun tetapi ia masih membolehkan mereka datang untuk membuat perdagangan, mereka akan tetap menyatakan OK.

Maka, kita perlu memikirkan bahawa kita memerlukan suatu bentuk peraturan. Sesebuah negara memerlukan peraturan, undang-undang dan dasar bagi memastikan ekonomi mereka berkembang dan kemudian akan berupaya bersaing dengan ekonomi negara lain. Kita perlu menerima hakikat bahawa kerajaan adalah relevan. Kepada tanggapan kononnya kerajaan menjadi penghalang kepada perdagangan bebas, saya fikir ia tidak dapat diterima oleh negara yang lemah.

Jika ada pergerakan modal; dan kita memerlukannya kerana sesetengah negara sebenarnya amat miskin; pergerakannya hendaklah tertakluk kepada peraturan yang diputuskan oleh negara di mana modal mengalir masuk atau keluar. Maksudnya sesebuah negara berkuasa dalam menentukan pengaliran masuk atau keluar modal. Kita perlukan peraturan, undang-undang dan dasar supaya perdagangan dan pembiayaan akan lebih sihat dan semakin kurang tertakluk kepada spekulasi dan manipulasi.